

Teknologi komputer tingkat produktiviti, pendapatan negara

PENGGUNAAN teknologi komputer dan perisian dalam sektor perladangan kelapa sawit mampu meningkatkan produktiviti dan pendapatan negara dalam jangka masa panjang.

Dekan Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Abdul Shukor Juraimi berkata, ketika ini kelapa sawit merupakan penyumbang terbesar eksport negara iaitu sebanyak RM60 bilion hingga RM70 bilion setahun.

Katanya, menerusi sistem pengurusan ladang bersepadu, pengurusan di sesebuah ladang dapat dilakukan dengan lebih berkesan dan sistematik.

“Jika sebelum ini, sistem berkenaan diguna pakai oleh syarikat-syarikat besar sahaja

kerana ia mempunyai infrastruktur dan kewangan kukuh bagi tujuan itu.

“Bagaimanapun, menerusi sistem terbaharu ini, pemilik persendirian sama ada bersaiz kecil atau sederhana boleh menggunakan sistem tersebut di ladang mereka.

“Secara tidak langsung, ia dapat melonjakkan produktiviti kelapa sawit sekali gus menambah pendapatan negara pada masa depan,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Abdul Shukor berkata, di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat (AS) dan Eropah, teknologi serta sistem pengurusan ladang bersepadu

digunakan secara meluas kerana ia memberikan lebih keuntungan kepada peladang.

“Misalnya, dalam lawatan ke AS beberapa tahun lalu, saya berpeluang melawat sebuah ladang jagung di sana yang menggunakan kedua-dua kaedah tersebut.

“Saya diberitahu ladang seluas 404 hektar itu dikendalikan oleh tiga orang pekerja sahaja.

“Menariknya, semua aktiviti di ladang tersebut

bermula dari proses penanaman sehingga dituai direkod dalam satu pangkalan data yang membolehkan peladang memantau perkembangan tanpa perlu ke ladang setiap hari,” ujarnya.



ABDUL SHUKOR

Jelasnya, transformasi dalam sektor pertanian dan perladangan tidak dapat dielakkan kerana ia mampu menjimatkan masa dan kos peladang.

“Masalah utama yang dihadapi peladang ketika ini ialah kos operasi yang tinggi kerana setiap ladang lazimnya memerlukan jumlah pekerja yang ramai.

“Bagaimanapun, menerusi teknologi terkini seperti *Global Information System* atau dron, semua maklumat tersebut boleh diakses hanya di hujung jari.

“Sekiranya, teknologi tersebut digabungkan dengan sistem pengurusan ladang bersepadu yang diperkenalkan, pastinya ia mampu memberi lebih impak kepada peladang dari sudut hasil dan pendapatan,” katanya.